



Apa Itu **FATWA?**

Perlantikan Mufti, Kuasa Dan Ahli Jawatankuasa Fatwa

APA ITU FATWA?

Pada bahasa ia diambil daripada *afṭa - ifṭa'an* yang memberi maksud menjabar dan menghuraikan hukum permasalahan. Fatwa boleh dibaca dengan *futiya* atau *fatwa* atau *fatwa* apabila seseorang alim menerangkan hukum. (*Al-Qamus al-Muḥit* 4/373, *Mukhtar al-Suḥah* 491, *al-Misbah al-Munir* 2/631, *al-Qamus al-Fiqhī* 281, *Dustur al-Ulama* 3/14)

Pada istilah pula, fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya ialah :-

- i. Fatwa ialah sebagai jawapan yang dibuat oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya. (*Wahbah al-Zuhaili, Usul Fiqh* 2/1156)
- ii. Fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah s.w.t sama ada pada yang mesti atau harus. (*Al-Imam al-Qarafi, al-Furuq*, 4/53)

Definisi Mufti :-

Oleh kerana perkataan “Mufti” diambil daripada perkataan *afṭa* yang memberi maksud penjelasan dan penerangan sesuatu hukum, maka maksud mufti tidak jauh bezanya dengan apa yang telah dikemukakan, kecuali perkataan “Mufti” adalah kata nama. Ia juga dikenali dalam Bahasa Arab sebagai isim fa'il yang bermaksud pembuat atau pelaku. Dengan itu Mufti bermaksud : Orang yang memberi jawapan kepada persoalan atau perkara yang dikemukakan oleh seseorang.


Pada istilah pula ulamak berselisih pendapat, antaranya ialah :-

- i. Mufti ialah mujtahid. (*Muhammad Amin Ma'ruf ibn 'Abidin, Hasyiyah Raddu al-Mukhtar 'ala Durru al-Mukhtar, Mekah, Maktabah al-Tijariyah al-Kubra*, 1/65)
- ii. Mufti ialah seorang mujtahid atau faqeh. (*Dr. Wahbah al-Zuhaili, Usul al-Fiqh al-Islami*, 2/1156)
- iii. Mufti ialah orang yang memberi fatwa kepada orang ramai. (*Sa'di Abu Jaib, al-Qamus al-Fiqh al-Lughah wa Istilahan, Hal. 281, Cet. Ke-2, Damsyik, 1988, Dar al-Fikr*)
- iv. Mufti ialah orang yang mampu memahami hukum-hukum waqī'e mengikut hukum syarak serta berdalil. (*Ahmad ibn Hamdan al-Harrani, Sifat Fatwa, Mufti wa Mustafti, Hal. 4, Cet. Ke-2, Maktab al-Islami Beirut, Lubnan*)

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

PELANTIKAN MUFTI DAN TIMBALAN MUFTI

44. (1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti bagi Negeri Pulau Pinang.

- 
- (2) Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam *Warta*.
 - (3) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, orang yang menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Pulau Pinang sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Pulau Pinang dan hendaklah terus memegang jawatan itu.

FUNGSI MUFTI

45. Mufti hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Pulau Pinang selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

JAWATANKUASA FATWA

46. (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada –
 - (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
 - (b) Timbalan Mufti;
 - (c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
 - (d) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Mufti; dan
 - (e) seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
- (3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, menjadi anggota Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa dan hendaklah menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh pelantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.
- (4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi mana-mana orang, kecuali Mufti dan Timbalan Mufti, yang adalah anggota atas nama Jawatankuasa Syariah yang disebut dalam subseksyen (3).

- (5) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalnya.

KUASA JAWATANKUASA FATWA UNTUK MENYEDIAKAN FATWA

47. Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau menimbulkan kontroversi atau yang berhubungan dengan Hukum Syarak.

TATACARA PEMBUATAN FATWA

48.
 - (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan apa-apa kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.
 - (2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa, Mufti hendaklah fatwa yang dicadangkan itu.
 - (3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.
 - (4) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.
 - (5) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.
 - (6) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan.
 - (7) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (4).



FATWA YANG DISIARKAN DALAM WARTA ADALAH MENGIKAT

49. (1) Apabila disiarkan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Pulau Pinang sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan.
- (2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah di dalam Negeri Pulau Pinang tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

PINDAAN, UBAHSUAIAN ATAU PEMBATALAN FATWA

50. (1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.
- (2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.
- (3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).

FATWA YANG ADA HUBUNGAN DENGAN PERKARA KEPENTINGAN NASIONAL

51. (1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu.
- (2) Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenannya agar fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, melalui Majlis Raja-Raja.

- (3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.
- (4) Setelah Yang Di-Pertuan Agong memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Jawatankuasa Fatwa hendaklah, sebelum fatwa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.
- (5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya kepada Majlis Raja-Raja tentang perkara itu.
- (6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dicadangkan itu dibuat, dengan atau ubahsuaian yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam *Warta* tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(5), hendaklah terpakai baginya.
- (7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

MENERIMA PAKAI NASIHAT DAN SYOR JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

52. (1) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh apa-apa perbuatan atau amalan yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.
- (2) Nasihat atau syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(5), hendaklah terpakai baginya.
 - (3) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

MEMINTA PENDAPAT DARIPADA JAWATANKUASA FATWA

53. Jika dalam mana-mana mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada mahkamah yang membuat permintaan itu.

QAUL MUKTAMAD YANG HENDAKLAH DIKUTI

54. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijhtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG 2016/2017

Pengerusi

S.S. Dato' Dr. Haji Wan Salim Bin Wan Mohd Noor

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Ahli Jawatankuasa

S.F. Tuan Haji Mamat Bin Said

Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang

S.F. Datuk Haji Abdul Aziz @ Aziz Bin Che Yacob

Pegawai Agama Istana Negara

S.F. Tuan Haji Rhaffor Bin Haji Mahmud

Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

S.F. Dato' Hj. S.A. Abdullah Bin Abd Rahman

Guru Agama

S.F. Dato' Hj. Md. Saleh Bin Haji Md. @ Haji Ahmad

Bekas Pensyarah, Universiti Malaya & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

S.F. Prof. Madya Dr. Atikullah Bin Abdullah

Pensyarah, Universiti Sains Malaysia

S.F. Prof Madya Dr. Mohd Fauzi Bin Hamat

Pensyarah, Universiti Malaya

S.F. Tuan Haji Rosli Bin Othman

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAIPP

S.F. Tuan Haji Soid Bin Mohd Amin

Guru Agama

S.F. Tuan Haji Mohd Salmi Bin Shaimi

Guru Agama

Setiausaha

S.F. Ustaz Mohd Hanif Bin Omar @ Wahab

Ketua Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

CARTA ALIRAN PROSES PEWARTAAN FATWA

PENYEDIAAN KERTAS FATWA

Setiasaha Jawatankuasa Fatwa menyediakan kertas kerja setelah kajian dan penyelidikan dijalankan (berdasarkan permohonan pihak-pihak yang memerlukan fatwa berkaitan hukum syara' sama ada daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang, Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang, Jabatan-jabatan Kerajaan/Swasta, Orang Awam dan lain-lain)

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG

S.S Mufti memanggil suatu Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi membincangkan persoalan-persoalan yang memerlukan sesuatu fatwa

KEPUTUSAN FATWA

Setelah Jawatankuasa Fatwa meneliti pembentangan kertas permohonan fatwa, dalil-dalil, pandangan ulama'/fuqaha', hasil kajian/siasatan/pendapat pakar, keputusan akan dibuat. Jika memerlukan siasatan/kajian lanjut tiada keputusan fatwa dikeluarkan dan ditangguh kepada sesi mesyuarat seterusnya. Mesyuarat turut memutuskan sama ada keputusan yang dibuat adalah sebagai fatwa (diwartakan) atau sebagai *irsyad* hukum sahaja (tidak diwartakan)

LAPORAN MINIT MESYUARAT

Keputusan mesyuarat yang lalu dibentang semula untuk makluman dan semakan semula ahli mesyuarat serta meneliti *sighah* fatwa sebelum proses pewartaan dilaksanakan

SEMAKAN SIGHAH FATWA OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Keputusan yang perlu difatwa dan diwartakan akan dihantar ke Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri bagi tujuan semakan deraf *sighah* fatwa yang akan diwartakan agar menepati kehendak undang-undang

FATWA DIHANTAR KEPADA YANG DIPERTUAN AGONG

Deraf *sighah* fatwa yang telah dimuktamadkan dihantar kepada Yang Dipertuan Agong untuk mendapat perkenannya bagi penyiaran fatwa sebagai Warta melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

FATWA YANG DIPERKENANKAN YANG DIPERTUAN AGONG

Fatwa yang telah diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri dan hendaklah disiarkan dalam Warta



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-2632975 | Faks: 04-2632985

Web: <http://mufti.penang.gov.my>